

28/02/2000

Usahawan Melayu jangan tamak: Pak Lah

KUALA LUMPUR, Ahad - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan usahawan Melayu yang berjaya supaya tidak tamak dengan membolot semua perniagaan sehingga menutup peluang peniaga kecil.

Sebaliknya, kata beliau, mereka perlu mencipta peluang serta membantu syarikat-syarikat kecil Bumiputera, terutama yang baru menceburi bidang perniagaan.

Beliau berkata, strategi kerajaan bagi membangunkan tokoh-tokoh usahawan Melayu bukan kerana mahukan mereka saja menjadi kaya, tetapi bertujuan mewujudkan kesan berganda supaya kejayaannya dinikmati oleh semua.

"Saya rasa kesan ini belum wujud kerana kebanyakan tokoh-tokoh usahawan Melayu yang sudah berjaya mengaut segala peluang perniagaan sampingan yang lahir daripada kejayaan perniagaan asas mereka.

"Golongan ini sepatutnya memainkan peranan sebagai peneraju yang dapat mendorong pembangunan syarikat baru. Mereka perlu mengelak daripada menceburi bidang di luar perniagaan utama atau asas kerana ini boleh mengurangkan perhatian kepada perniagaan asas," katanya.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap menutup Kongres Profesional Muda Melayu bertemakan Profesionalisme Melayu Mengharungi Cabaran K-Ekonomi, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Aziz; Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapha Mohamad dan Presiden Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara), Mukhriz Mahathir.

Abdullah berkata, sudah tiba masanya semua pihak memberi peluang lebih luas kepada profesional dan usahawan Melayu muda untuk menerajui pembangunan bangsa.

"Pada pendapat saya, hanya golongan muda yang mempunyai tenaga, gagasan dan idealisme yang boleh menamatkan dilema Melayu baru yang membelenggu kita," tegasnya.

Beliau memberi amaran, dilema Melayu baru akan wujud jika orang Melayu sendiri enggan menerima kenyataan untuk menghadapi era dunia baru yang menghapuskan sebarang sempadan negara.

Orang Melayu kini, katanya, tidak lagi cukup setakat menjadi jaguh kampung. Sebaliknya, mereka juga perlu menjadi jaguh pada peringkat nasional dan global. Bagaimanapun, dalam persediaan menghadapi era mencabar itu, orang Melayu tidak boleh hanya bergantung kepada kerajaan saja.

"Begitupun, ramai di kalangan orang Melayu yang masih memerlukan usaha kerajaan. Oleh itu kerajaan akan memastikan bahawa pengagihan peluang dilakukan secara saksama.

"Kerajaan tidak akan menumpukan perhatian kepada golongan yang sudah pun diberi segala jenis peluang," katanya.

Abdullah kesal dengan sikap orang Melayu yang tidak berterima kasih kepada kerajaan dengan mendakwa segala bantuan dan usaha kerajaan adalah daripada hasil pendapatan rakyat sendiri.

Tanpa menafikan bantuan itu sememangnya berasal daripada rakyat, beliau berkata keberanian dan pandangan jauh kerajaanlah yang menjayakan sesuatu dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Dasar ini adalah satu pendekatan yang sengaja dilaksanakan kerajaan demi masa depan orang Melayu," katanya.

(END)

